# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SABTU 10 APRIL 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | DEPUTY AGRICULTURE MINISTER: FUNDING FOR YOUNG AGROPRENEUR PROGRAMME HAS ALLOCATED OVER, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4<br>PERUNTUK RM15 JUTA UNTUK GAM, SH -ONLINE<br>RM15 JUTA UNTUK AGROPRENEUR MUDA, NASIONAL, SH -23 | UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | 3,748 BOXES OF FROZEN BUFFALO MEAT SEIZED, NATION/NEWS, NST -11<br>MAQIS FOILS BID TO SMUGGLE CHICKEN, SAUSAGE INTO KELANTAN, NATION/NEWS, NST -11<br>SOROK BERSAMA BARANG DIIKRAR, LOKAL, HM -26<br>RAMPAS KONTENA BERISI 56 TAN DAGING KERBAU DARI INDIA, NEGARA, KOSMO -14<br>RAMPAS 56 TAN DAGING KERBAU SEJUK BEKU DARI INDIA, LOKAL, HM -8<br>56 TAN DAGING KERBAU SEJUK BEKU DARI INDIA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -21<br>MAQIS RAMPAS PELBAGAI PRODUK IMPORT, NEGERI P.PINANG/KELANTAN/PERLIS, SH -27 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 11. | SELL PRODUCE ONLINE, SAYS MINISTER, DAILY EKSPRES -ONLINE | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 12.<br>13. | AGROBANK, MTDC METERAI KERJASAMA RANCAKKAN AMALAN INDUSTRI 4.0 DALAM SEKTOR PERTANIAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE<br>AGROBANK, MTDC TO ACCELERATE I4.0 PRACTICES INTO AGRI SECTOR, BUSINESS, BORNEO POST (KK) -A2 | AGROBANK |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Deputy Agriculture Minister: Funding for Young Agropreneur Programme has allocated over | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 10 Apr 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A4 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 210 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,355 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,064 |



# 副农长:青年农业企业家计划
# 至今共拨逾亿惠6969人

（北海9日讯）农业及食品工业部第二副部长拿督庆阿都拉表示，青年农业企业家计划（Program Agropreneur Muda）从2016年推行以来，全国共有6969名青年受惠，总拨款额为1亿2623万令吉。

"当中，一共有6906人获得青年农业企业家补贴（Geran Agropreneur Muda）批准，补贴金额共1亿2197万令吉，受补贴行业涵盖种植业、养殖业、渔业以及食品工业。"

他透露，目前槟州青年农业企业家补贴一共有227名槟州青年农业企业家受惠，获得397万令吉补贴。

"槟州有多达51人获得青年农业企业家计划的补贴，一共获得96万令吉的补贴。"

他周五在威北主持农民计划开幕仪式时如此表示，他也分发模拟支票予槟州51名获得补贴的青年农业企业家。

## 鼓励加入
## 农业青年企业计划

庆阿都拉表示，该部也希望透过这项活动能够鼓励更多18岁至40岁的青年加入农业青年企业计划，申请条件非常简单，申请者首先必须要是大马公民，会阅读、算数及书写。

"而加入这项计划的人士必需要参与该部或旗下的机构技术培训，此外，申请者若持大马教育部承认的农业科系相关的学位文凭，将豁免参与该部的技术培训。"

"农业这一块呈老化的现象，也同样面临土地减少的问题，这对于农业部来说无疑是一种挑战，希望透过一些计划来提高青少年对农业的兴趣。"

"现阶段各行各业面临疫情的影响，尤其是酒店业、旅游业方面受影响甚巨，该部也有给予一些补贴，但都是物资方面的援助，也有给予支票，但他们都很有办法让自己转型，并在这艰难的时刻求存。"#




庆阿都拉（前排左3）出席主持农民计划开幕仪式，并颁发96万令吉的模拟支票予青年农业企业家。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Peruntuk RM15 juta untuk GAM



Che Abdullah (tiga dari kanan) bersama Nur Adila (dua dari kanan) menunjukkan pizza yang diusahakan usahawan muda tersebut di Kubang Semang, Bukit Mertajam pada Jumaat.

BUKIT MERTAJAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan seramai 750 golongan muda menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) dengan nilai kelulusan sebanyak RM15 juta tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi bagaimanapun berkata, jumlah bagi tahun ini kurang berbanding tahun lalu iaitu seramai 1,149 penerima dengan nilai kelulusan sebanyak RM21 juta.

Beliau berkata, pengurangan sasaran itu disebabkan kementerian telah memperkenalkan Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-YES) untuk menarik lebih ramai golongan muda yang berusia 18 sehingga 40 tahun menceburi bidang pertanian.

"Produk Agro-YES yang dihasilkan di bawah pembiayaan khas Agropreneur Muda diyakini mampu mengimbangi pengurangan sasaran jumlah usahawan muda di bawah program GAM ketika ini. Oleh itu, kita menyasarkan hanya seramai 750 penerima geran pada tahun ini berbanding 1,149 pada tahun lalu.

"Pemberian geran ini bertujuan membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi semua bidang di sepanjang rantaian nilai.

"Antaranya ialah tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian serta agropelancongan," katanya ketika mengadakan lawatan kerja di Pulau Pinang pada Jumaat.

Che Abdullah berkata, kementerian juga akan sentiasa bergerak untuk menghulurkan bantuan kepada usahawan yang memerlukan.

"Saya berharap usahawan dapat memanfaatkan bantuan yang disalurkan kepada mereka sama ada di bawah Agro-YES atau GAM," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai lawatan kerjanya, Che Abdullah berkata, ia diadakan untuk merapatkan hubungan antara kementerian dan golongan sasar.

"Selain itu pihak kementerian juga boleh menyampaikan segala maklumat dan informasi berkaitan bantuan dan inisiatif kepada rakyat.

"Saya juga menyampaikan replika cek kelulusan GAM untuk tahun 2020 bagi Pulau Pinang yang melibatkan seramai 51 penerima dengan nilai kelulusan sebanyak RM0.96 juta," katanya.

Menurutnya, menerusi lawatan itu juga, beliau melawat empat agropreneur muda yang terlibat dalam pelbagai jenis perniagaan.

Dua daripada mereka ialah Anuar Ayob yang menjalankan projek pemprosesan produk yee mee di Pokok Sena, Kepala Batas dan Mohd Naim Othman yang menjalankan projek tanaman sayuran di Pengkalan Batu, Tasek Gelugor.

"Anuar adalah penerima bantuan GAM pada tahun 2019 berjumlah RM 15,000," katanya.

Dua lagi ialah Huzaifah Harun yang melaksanakan projek ternakan biri-biri dan kambing tenusu di Guar Petai, Tasek Gelugor dan Nur Adila Anuar yang menjalankan projek pemprosesan base pizza di Guar Jering, Kubang Semang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 23 |

# RM15 juta untuk agropreneuer muda

## MAFI sasar 750 golongan muda terima Geran Agropreneur Muda pada tahun 2021

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

BUKIT MERTAJAM



Che Abdullah (tiga dari kanan) bersama Nur Adila (dua dari kanan) menunjukkan piza yang diusahakan usahawan muda tersebut di Kubang Semang, Bukit Mertajam pada Jumaat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan seramai 750 golongan muda menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) dengan nilai kelulusan sebanyak RM15 juta tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi bagaimanapun berkata, jumlah bagi tahun ini kurang berbanding tahun lalu iaitu seramai 1,149 penerima dengan nilai kelulusan sebanyak RM21 juta.

Beliau berkata, pengurangan sasaran itu disebabkan kementerian telah memperkenalkan Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-YES) untuk menarik lebih ramai golongan muda yang berusia 18 sehingga 40 tahun menceburi bidang pertanian.

"Produk Agro-YES yang dihasilkan di bawah pembiayaan khas Agropreneur Muda diyakini mampu mengimbangi pengurangan sasaran jumlah usahawan muda di bawah program GAM ketika ini. Oleh itu, kita menyasarkan hanya seramai 750 penerima geran pada tahun ini berbanding 1,149 pada tahun lalu.

"Pemberian geran ini bertujuan membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi semua bidang di sepanjang rantaian nilai.

"Antaranya ialah tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian serta agropelancongan," katanya ketika mengadakan lawatan kerja di Pulau Pinang pada Jumaat.

Che Abdullah berkata, kementerian juga akan sentiasa bergerak untuk menghulurkan bantuan kepada usahawan yang memerlukan.

"Saya berharap semua usahawan dapat memanfaatkan bantuan yang disalurkan kepada mereka sama ada di bawah Agro-YES atau GAM," katanya.

Menurutnya, menerusi lawatan itu juga, beliau melawat empat agropreneur muda yang terlibat dalam pelbagai jenis perniagaan.

Dua daripada mereka ialah Anuar Ayob yang menjalankan projek pemprosesan produk yee mee di Pokok Sena, Kepala Batas dan Mohd Naim Othman yang menjalankan projek tanaman sayuran di Pengkalan Batu, Tasek Gelugor.

"Anuar adalah penerima bantuan GAM pada tahun 2019 berjumlah RM15,000.

"Dua lagi ialah Huzaifah Harun yang melaksanakan projek ternakan biri-biri dan kambing tenusu di Guar Petai, Tasek Gelugor dan Nur Adila Anuar yang menjalankan projek pemprosesan *base* piza di Guar Jering, Kubang Semang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | NST | NATION/NEWS | 11 |

INACCURATE LABELLING

# 3,748 boxes of frozen buffalo meat seized

**BUTTERWORTH:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 3,748 boxes of frozen buffalo meat from India at the North Butterworth Container Terminal (NBCT) here.

Maqis seized one container of the boxes on Monday and another on Tuesday.

State Maqis director Noriah Dahlan said checks showed that the consignment was labelled with inaccurate information in the halal certificate.

"The consignment, weighing 55,994kg and worth RM603,932.76, has been seized by Maqis for further action.

"The case will be investigated under Section 13 of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

"The offence carries a fine of not more than RM50,000 or a jail term not exceeding two years or both upon conviction."

Noriah said Maqis viewed seriously the issue of food safety, disease control and risk of pest entry, which could affect the country's agriculture industry.

NO PERMITS

# Maqis foils bid to smuggle chicken, sausages into Kelantan

**KOTA BARU:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) foiled an attempt to smuggle frozen chicken and sausages into the state after it seized the items worth more than RM50,000 recently.

The items, believed to have been smuggled in from Thailand, were seized from three lorries after they passed through the Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex in Rantau Panjang.

Kelantan Maqis director Roslan Che At said the three lorries entered the checkpoints from Thailand when they were stopped for inspection by Maqis officers on Wednesday.

He said during the two-hour operation from about 5pm, Maqis officers inspected several lorries.

"Three of the lorries were found with frozen chicken and sausages that had no import permits.

"The chicken and the sausages were hidden under boxes of vegetable and fruit. We believe this is their tactic to evade detection," he said yesterday.

He said the fruits and vegetables, worth about RM3,270, were also seized from the three lorries as they did not have import permits from Maqis.

He said Maqis would continue to carry out similar operations to nab those flouting the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).



*The frozen chicken, sausages, vegetables and fruits seized by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) at the Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex in Rantau Panjang on Wednesday.* PIC COURTESY OF MAQIS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 26 |

# Sorok bersama barang diikrar

**Rantau Panjang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas ayam sejuk beku, pelbagai sosej, buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai lebih RM47,000 di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di sini, Rabu lalu.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, Operasi Pematuhan Import dan Eksport Keluaran Pertanian antara jam 5 hingga 7 petang itu menggagalkan cubaan penyeludupan barang tanpa permit import sah dengan jumlah keseluruhan 11,068 kilogram (kg).

Katanya, pihaknya menahan tiga lori dan hasil pemeriksaan selama dua jam menemukan 7,212kg keratan ayam sejuk beku bernilai RM36,060, 1,710kg pelbagai sosej dianggar bernilai RM7,695 dan 2,106kg pelbagai sayur-sayuran serta buah-buahan berjumlah RM3,274.

"Modus operandi mereka dengan menyembunyikan barang dagangan bersama sayur-sayuran dan buah-buahan yang diikrar secara sah cuba dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia tanpa permit import sah daripada Maqis.

"Perbuatan itu satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda mengikut Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Turut ditemui bawang merah yang tidak mematuhi syarat import iaitu suatu kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta 728 yang boleh didenda mengikut Seksyen 15(2) Akta yang sama," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | KOSMO | NEGARA | 14 |



SEBAHAGIAN daging lembu dari India yang dirampas Maqis di Terminal Kontena Utara Butterworth pada Isnin lalu.

# Rampas kontena berisi 56 tan daging kerbau dari India

**SEBERANG PERAI** – Tindakan pantas pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk hampir 56 tan daging kerbau sejuk beku secara tidak sah ke negara ini pada Isnin lalu.

Rampasan dibuat kira-kira pukul 5.30 petang pada Isnin sebelum satu lagi rampasan dibuat pada hari berikutnya.

Pengarah Maqis negeri, Noriah Dahlan berkata, pemeriksaan dibuat ke atas dua buah kontena yang dipercayai dibawa dari India.

Katanya, siasatan mendapati keseluruhan dagangan tersebut telah dilabel menggunakan maklumat tidak tepat seperti yang dinyatakan pada Sijil Halal yang diisytihar.

"Susulan rampasan itu, daging kerbau sejuk beku seberat 55,994 kilogram di dalam 3,748 kotak yang dianggarkan bernilai RM603,932.76 itu ditahan bagi siasatan lanjut.

"Mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan, keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/4/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Rampas 56 tan daging kerbau sejuk beku dari India

**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk hampir 56 tan daging kerbau sejuk beku dari India bernilai RM603,932.76 melalui Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini, baru-baru ini.

Rampasan susulan pemeriksaan pada jam 5.30 petang Isnin dan 12.50 tengah hari Selasa ke atas dua kontena yang baharu masuk ke pelabuhan berkenaan.

Pengarah Maqis negeri, Noriah Dahlan berkata, pemeriksaan lanjut mendapati keseluruhan daging kerbau sejuk beku itu dilabel menggunakan maklumat tidak tepat seperti yang dinyatakan pada Sijil Halal yang diisytihar.

"Oleh itu, sebanyak 3,748 kotak daging kerbau sejuk beku seberat 55,994 kilogram yang bernilai RM603,932.76 itu dirampas bagi siasatan lanjut.

"Ini kerana mana-mana pihak yang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan, keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Katanya, Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan.





MAQIS Pulau Pinang merampas daging kerbau sejuk beku dari India ketika pemeriksaan di Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT), baru-baru ini.

"Sebanyak 3,748 kotak daging kerbau sejuk beku seberat 55,994 kilogram bernilai RM603,932.76 itu dirampas bagi siasatan lanjut"

**Noriah**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |


# 56 tan daging kerbau sejuk beku dari India dirampas

**Butterworth:** Daging kerbau sejuk beku dari India hampir 56 tan dianggarkan bernilai lebih RM600,000, dirampas berikutan labelnya disyaki menggunakan maklumat tidak tepat dengan yang diisytiharkan pada sijil halal.

Rampasan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang hasil dua pemeriksaan berasingan di Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT), di sini, Isnin serta Selasa lalu.

Pengarah MAQIS negeri, Noriah Dahlan, berkata terdahulu dalam kejadian jam 5.30 petang Isnin dan 12.50 tengah hari Selasa lalu itu, anggota memeriksa dua kontena yang baru tiba di pelabuhan berkenaan sebelum menemui daging kerbau sejuk beku disyaki dilabel menggunakan maklumat tidak tepat dengan yang diisytiharkan pada sijil halal.

"Susulan itu, sebanyak 3,748 kotak daging kerbau sejuk beku 55,994 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM603,932.76 itu dirampas untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Mengikut seksyen ini, mana-mana orang memberi maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian, adalah menjadi suatu kesalahan.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Di **Rantau Panjang**, MAQIS merampas ayam sejuk beku, pelbagai jenis sosej, buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai lebih RM47,000 di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang pada Rabu lalu.

Pengarah MAQIS Kelantan, Roslan Che At, berkata Operasi Pematuhan Import dan Eksport Keluaran Pertanian berjaya menggagalkan cubaan penyeludupan barang tanpa permit import yang sah dengan jumlah keseluruhan 11,068kg antara jam 5 petang hingga 7 malam itu.

Beliau berkata, pihaknya menahan tiga lori dan hasil pemeriksaan dua jam menemui 7,212kg keratan ayam sejuk beku bernilai RM36,060; 1,710kg pelbagai jenis sosej dianggar bernilai RM7,695 dan 2,106kg pelbagai sayur-sayuran serta buah-buahan yang berjumlah RM3,274.



*Sebahagian daging sejuk beku dari India bernilai lebih RM600,000 yang dirampas MAQIS Pulau Pinang di NBCT, Butterworth.*

(Foto MAQIS Pulau Pinang)

"Modus operandi mereka dengan menyembunyikan barang dagangan bersama sayur-sayuran dan buah-buahan diikrar secara sah yang cuba dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia tanpa permit import sah daripada MAQIS.

"Perbuatan itu salah mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan jika sabit kesalahan boleh didenda mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

"Turut ditemui bawang merah yang tidak mematuhi syarat import iaitu kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta 728 yang boleh didenda mengikut Seksyen 15(2) akta sama

"Mereka yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Di **Kangar**, MAQIS Perlis merampas 1.4 tan ikan basah bernilai RM5,600 kerana menggunakan dokumen yang mengelirukan selepas menahan sebuah lori membawa pelbagai jenis ikan basah ke negara ini di Unit Kargo ICQS Padang Besar, Isnin lalu.

Pengarah MAQIS Perlis, Mohamad Arshad Raffin, berkata hasil pemeriksaan mendapati pihak pengimport membawa 1,400kg ikan basah yang diikrar pada permit MAQIS, namun dokumen itu mengelirukan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI P.PINANG/ KELANTAN/ PERLIS | 27 |


Maklumat dilabel tidak tepat pada sijil halal didaftar

# Maqis rampas pelbagai produk import

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI dan HAZELEN LIANA KAMARUDIN

**BUTTERWORTH**

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 3,748 kotak produk ruminan iaitu daging kerbau sejuk beku dari India pada Isnin dan Selasa lalu.

Pengarahnya, Noriah Dahlan berkata, pegawai penguatkuasanya telah menahan dan memeriksa dua buah kontena pada jam 5.32 petang, 5 April dan jam 12.50 tengah hari, 6 April lalu di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan dagangan tersebut telah dilabel dengan menggunakan maklumat yang tidak tepat seperti yang dinyatakan pada sijil halal yang diisytihar.

"Daging kerbau seberat 55,994 kilogram (kg) yang bernilai RM603,932 itu dirampas untuk tindakan selanjutnya.

"Kedua-dua kontena daging kerbau sejuk beku tersebut akan disiasat pada Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

"Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-keduanya," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Di **Rantau Panjang, Kelantan,** Maqis negeri itu menggagalkan cubaan menyeludup ayam sejuk beku bernilai RM36,060 dalam Operasi Pematuhan Import dan Eksport Keluaran Pertanian di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di sini pada Khamis.

Selain ayam sejuk beku seberat 7,212kg, Maqis Kelantan turut merampas 1,710 kg pelbagai jenis sosej yang dianggarkan bernilai RM7,695.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, pihaknya turut merampas 2,106 kg pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan yang dianggarkan bernilai RM3,274.

"Kesemua barangan yang dirampas ini dibawa masuk dari Thailand ke negara ini tanpa permit import yang sah daripada Maqis," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Menurutnya, semasa pemeriksaan dilakukan Maqis Kelantan mendapati pengimport menggunakan modus operandi menyembunyikan barangan tersebut bersama sayur-sayuran dan buah-buahan yang diikrar secara sah.

"Rampasan kesemua barangan seludup tersebut dilakukan hasil pemeriksaan yang dilakukan ke atas tiga buah lori yang melalui pintu masuk ke negara itu," katanya.

Roslan berkata, pihaknya turut merampas bawang merah seberat 11,068 kg yang tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan kerajaan.

Sementara itu di **Kangar, Perlis,** Maqis negeri itu merampas 1.4 tan ikan basah bernilai RM5,600 kerana menggunakan dokumen yang mengelirukan.

Pengarah Maqis Perlis, Mohamad Arshad Raffin berkata, pihaknya menahan sebuah lori membawa pelbagai jenis ikan basah ke negara ini di Unit Kargo ICQS Padang Besar pada Isnin (5 April).

"Hasil pemeriksaan mendapati bahawa pihak pengimport membawa 1,400 kg (1.4 tan) ikan basah yang diikrar pada permit Maqis namun dokumen tersebut mengelirukan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.



Kesemua daging kerbau dirampas untuk siasatan selanjutnya.

Mohamad Arshad berkata, pihaknya sentiasa memantau sebarang kemasukan dan keluaran melibatkan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas daripada perosak dan penyakit serta mematuhi syarat ditetapkan kerajaan.

"Langkah ini juga bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang diimport atau dieksport mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan oleh kerajaan," katanya.



Maqis Kelantan menggagalkan cubaan menyeludup ayam sejuk beku bernilai RM36,060 dalam Operasi Pematuhan Import dan Eksport Keluaran Pertanian di Kompleks ICQS pada Khamis.




| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | DAILY EKSPRES | ONLINE | |

## Sell produce online, says minister



KLUANG: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is encouraging the farming community to use the latest technology such as e-commerce platform to market their produce online.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (pic) said the move was important as the use of technology had been proven to increase sales.

Citing an example, he said MAFI recorded more than RM300 million in agricultural sales revenue through the three e-commerce platforms developed since the Covid-19 pandemic hit the country a year ago.

He said the platforms were Agro Bazaar Online, Nekmatbiz and e-peladang which were operated by the Federal Agricultural Marketing Authority, National Fishermen's Association (NEKMAT), and Farmers' Organisation Authority (LPP), respectively.

"So, we've seen online business during the Covid-19 pandemic as an effective sales and marketing tool or alternative.

"We hope such platform will continue to be used by consumers or organisations such as the Area Farmers' Organisation to promote the purchase or sale of their agricultural products.

"At the same time, we also do not prevent the private sector (farming community) from developing their own e-commerce platform for the same purpose," he said after officiating the national level Peladang Outlet at the Kluang Area Farmers' Organisation's Agricultural Product Collection Centre here Thursday.

Ronald was commenting on whether MAFI plans to develop its own online application to facilitate the marketing and sale of agricultural products in the country.

Present were Johor Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Samsolbari Jamali, LPP chairman Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, and LPP director-general Datuk Azulita Salim.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2021 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# Agrobank, MTDC meterai kerjasama rancakkan amalan Industri 4.0 dalam sektor pertanian




Khadijah dan Norhalim bertukar dokumen perjanjian persefahaman disaksikan Ronald (tengah), Timbalan Menteri 1 MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua kiri), Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid (dua kanan), Mustapha (kiri) dan Abd Rahman (kanan).

TERMETERAI: Khadijah dan Norhalim bertukar dokumen perjanjian persefahaman disaksikan Ronald (tengah), Timbalan Menteri 1 MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua kiri), Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid (dua kanan), Mustapha (kiri) dan Abd Rahman (kanan).

KUCHING: Agrobank dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) memeterai satu perjanjian persefahaman untuk berkolobaratif dan mempromosi program pembangunan usahawan bagi merancakkan amalan teknologi Industri 4.0 dalam sektor pertanian di Malaysia.

Majlis menandatangani perjanjian antara Agrobank dan MTDC berlangsung di Kuala Lumpur pada Rabu lepas.

Menerusi kerjasama ini, Agrobank akan menyedia-kan pembiayaan kewangan sebanyak RM20 juta bagi 200 usahawan daripada sektor pertanian yang dikenal pasti oleh MTDC dalam fasa pertama inisiatif tersebut dengan setiap usahawan akan menerima pembiayaan maksimum RM100,000.

Usahawan yang dikenal pasti akan dibimbing, dilatih dan diberikan bantuan tek-nikal menerusi cabang bantuan akademi MTDC, iaitu Akademi Latihan Usahawan Teknologi (TENTRA) untuk latihan keusahawanan dan 'Centre of 9 Pillars' (Co9P) bagi kemudahan latihan bersama jurulatih berpengalaman bagi setiap latihan dan keperluan solusi Industri 4.0.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Khadijah Iskandar menandatangani bagi pihak Agrobank, manakala MTDC diwakili Ketua Eksekutifnya Datuk Norhalim Yunus disaksikan Menteri Pertani-an dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Pengerusi Agrobank Datuk Mustapha Buang dan Pengerusi MTDC Tan Sri Abd Rahman Mamat.

Mengulas mengenai kerja-sama tersebut, Ronald berkata ia bakal merealisasikan visi Industri 4.0 negara yang mengaplikasi amalan pertani-an moden dan pintar dalam sektor pertanian.

Katanya, pelbagai bentuk latihan termasuk sesi perkongsian ilmu yang bakal dikendalikan bersama oleh dua entiti tersebut dijangka merancakkan lagi pengguna-an teknologi Industri 4.0 khususnya dalam kalangan usahawan yang mengikuti program pembangunan itu.

"Amalan teknologi moden dan pintar bakal menjadi masa depan dalam landskap sektor pertanian dan saya berasa gembira kerana akhirnya visi ini akan direalisasikan menerusi kerjasama ini bagi menyokong pembangunan industri pertanian.

“Usahawan akan diper-kenalkan kepada penggunaan robot dalam amalan pertanian pintar yang bukan sahaja menjimatkan kos operasi, malah membantu menguruskan perniagaan dengan lebih baik,” katanya menambah, pertanian pintar mempunyai potensi besar untuk menyediakan hasil pertanian yang lebih produktif dan secara mampan.

Sementara itu, Mustapha berkata Agrobank berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada kerjasama tersebut yang mana pihak bank sentiasa komited untuk menyokong peluang perniagaan berpotensi untuk membangunkan industri pertanian negara.

“Walaupun berdepan pelbagai cabaran global se-perti faktor perubahan cuaca, peningkatan penduduk dan kekurangan sumber, prospek sektor pertanian nampak positif untuk dekad seterus-nya.

“Sektor pertanian atau lebih tepat, sektor agromakanan akan terus menjadi enjin utama yang menyumbang kepada ekonomi negara.

“Justeru, dengan menceburi konsep perniagaan baharu yang melibatkan teknologi, kami yakin inilah cara pertanian harus dijalankan pada masa hadapan dan ia harus bermula di sini,” katanya.

Agrobank menurut Mustapha, juga yakin dengan bimbingan sewajarnya inisiatif ini bakal menarik lebih ramai usahawan muda untuk menceburi bidang pertanian dan menjadikan pertanian sebagai sumber kekayaan baharu pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Abd Rahman berkata menerusi kerja-sama itu, usahawan berpe-luang untuk memanfaatkan rangkaian luas MTDC ke-rana mereka akan diberikan latihan pemasaran, peluang mengembangkan rangkaian dan solusi teknologi kepada pertanian moden dan pintar.

“IoT atau Internet of Things akan mengubah per-psektif sektor pertanian. MTDC sebagai pemudah strategik bagi Industri 4.0 komited untuk membantu dan membimbing usahawan yang mengguna pakai tek-nologi Industri 4.0 yang di-bangunkan oleh sumber dan bakat tempatan,” katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agrobank, MTDC to accelerate i4.o practices into agri sector | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 10 Apr 2021 | Color | Full Color |
| Section | Business | Circulation | 18,290 |
| Page No | A2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 324 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,807 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,420 |



# Agrobank, MTDC to accelerate i4.0 practices into agri sector

**KUALA LUMPUR:** Agrobank and Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) inked a memorandum of understanding (MoU) to collaborate and promote entrepreneur's development programme and further accelerate the industry 4.0 technology (i4.0) practices into the Malaysian agriculture sector.

In this collaboration, Agrobank will provide financial funding of RM20 million for 200 entrepreneurs related to agriculture sector identified by MTDC for the first phase of the entrepreneur's development programme initiative. Each entrepreneur will receive funding amount of RM100,000 maximum.

Identified entrepreneurs will be mentored, coached and will receive technical assistance through MTDC'S technical providers: Technopreneur Training Academy (TENTRA) to provide entrepreneurship training and MTDC's Centre of 9 Pillars (Co9P) to provide linkages with highly experienced trainers for all training and i4.0 solution needs.




Khadijah (front left) and Norhalim (front right) are seen exchanging documents witnessed by Ronald (middle), Deputy Minister of Agriculture and Food Industries Datuk Seri Ahmad Hamzah (second left), Ministry Secretary General Datuk Haslina Abdul Hamid (second right), Mustapha Buang, (left) and Abd Rahman (right).

The MoU signing ceremony to mark the collaboration was represented by Khadijah Iskandar, covering president/ chief executive officer of Agrobank, and Datuk Norhalim Yunus, chief executive officer of MTDC. The signing ceremony was witnessed by Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Agriculture and Food Industries Minister, Datuk Mustapha Buang, chairman of Agrobank, and Tan Sri Abd Rahman Mamat, chairman of MTDC.

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, said this partnership between Agrobank and MTDC is perfect combination in realising the national vision of i4.0 with smart and modern farming practices in the agriculture sector.

He said, the various trainings including knowledge sharing events to be organised or co-organised between the two entities is expected to accelerate the adoption of i4.0 technologies especially in the area of modern and smart farming within the entrepreneurs.

"The smart and modern farming practices has been envisioned as the new future of the local agriculture spectrum, I am glad this vision is being realised through this partnership in supporting the agriculture industry.

"Entrepreneurs will be introduced to the usage of robots in smart farming which will lead to better management and lower operational costs. Smart farming has a real potential to deliver a more productive and sustainable form of agricultural production," he said.

Dato' Mustapha Buang, Chairman of Agrobank said, Agrobank is honoured to be part of this partnership where the Bank is always committed to support business opportunities that further develop the national agriculture industry.

"The outlook for the agriculture sector for the next decade appears promising despite global challenges such as climate change, a growing population and scarcity of resources. The agriculture sector — or more precisely the agro-food sector, continues to be one of the important growth engines for the national economy."

"Therefore, by venturing into new business concept that involves technology, we believe this is how farming shall be conducted in the future and it has to begin from here. The i4.0 practices has a bright future if wisely applied into the agri businesses."

"We also believe, with the right guidance this initiative will attract and encourage more young entrepreneurs into the agriculture sector and making it the new sources of wealth in the few years to come," he further added.

Meanwhile, Tan Sri Abd Rahman Mamat, chairman of MTDC said, this partnership will enable the entrepreneurs to benefit from MTDC's wide and extensive networks as they will be provided with marketing, networking opportunities and technology solutions for smart and modern farming.

"The Internet of Things (IoT) will change how we view agriculture entirely. MTDC, as the strategic enabler for i4.0 is committed to assist all the entrepreneurs in the adoption of i4.0 technologies developed by our local talents and resources," he said.

Powered by: isentia